

CARDIPRES TABLET

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

- Cardipres 1: Doxazosin Mesylate 1.21 mg bersamaan dengan Doxazosin 1mg
Cardipres 2: Doxazosin Mesylate 2.42 mg bersamaan dengan Doxazosin 2mg
Cardipres 4: Doxazosin Mesylate 4.84 mg bersamaan dengan Doxazosin 4mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Cardipres.
2. Bagaimana Cardipres berfungsi.
3. Sebelum mengambil Cardipres.
4. Cara menggunakan Cardipres.
5. Semasa menggunakan Cardipres.
6. Kesan-sesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Cardipres.
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah Kegunaan Cardipres

Ia digunakan dalam rawatan penyakit tekanan darah tinggi dan hiperplasia prostat benigna (pembesaran kelenjar prostat bukan berkanser).

Bagaimana Cardipres Berfungsi

Bahan aktif di dalam ubat ini adalah Doxazosin Mesylate yang tergolong dalam kumpulan perencat adrenoseptor alfa-1. Ia bertindak pada reseptor adrenoseptor alfa-1 yang terdapat pada salur darah. Tindakan ini mengurangkan rintangan dalam salur darah yang menjurus kepada penurunan tekanan darah. Perencatan reseptor adrenoseptor alfa-1 di kelenjar prostat dan pundi kencing mengurangkan halangan aliran air kencing bagi pesakit yang menghidapi hiperplasia prostat benigna.

Sebelum Mengambil Cardipres

Bila tidak boleh mengambil

- Anda alergi kepada Doxazosin atau bahan-bahan lain yang terkandung di dalam produk ini.
- Anda alergi kepada ubatan daripada kumpulan yang sama dengan Doxazosin seperti Terazosin dan Prazosin.

Sebelum mula mengambil

Dapatkan nasihat doktor jika anda:-

- Mengandung/ Disyaki mengandung.
- Merancang untuk mengandung.
- Menghidapi masalah hati.
- Keselamatan dan keberkesanan doxazosin mesylate pada kanak-kanak belum ditetapkan

Jika mengambil ubat-ubat lain

Terdapat beberapa jenis ubat yang tidak digalakkan diambil bersama dengan Cardipres. Anda harus memaklumkan doktor dan ahli farmasi anda mengenai ubat yang sedang diambil termasuk ubat yang dibeli di farmasi tanpa preskripsi doktor. Maklumkan doktor dan ahli farmasi jika anda sedang mengambil ubat berikut:-

- Ubat penurunan tekanan darah yang lain.

Cara menggunakan Cardipres

Berapa banyak harus digunakan

Dos yang diambil bergantung kepada keadaan penyakit anda .Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan ambil lebih atau kurang daripada amaun yang disyorkan.

Dos harian yang biasa adalah daripada 1mg sehingga dos maksima 16mg.

Bila perlu digunakan

Boleh diberikan pada waktu pagi atau petang. Kekerapan dos bergantung kepada keadaan anda. telan tablet dengan air.

Berapa lama perlu digunakan

Ikut arahan yang telah ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Jika terlupa menggunakan

Jangan gandakan dos anda. Ambil dos seperti biasa bila tiba waktu untuk dos seterusnya.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan Hospital terdekat jika terambil dos berlebihan. Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan gejala hipotensi (tekanan darah rendah).

Semasa menggunakan Cardipres

Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Cardipres mengikut arahan doktor.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan kongsikan ubat anda dengan orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan mengendalikan mesin , ubat ini mungkin mempengaruhi keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin. Sekiranya anda berasa pening atau lemah selepas mengambil ubat ini, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera. Rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami mana-mana kesan-sesan sampingan yang dinyatakan.

Kesan-sesan Sampingan

Kesan sampingan yang sering berlaku adalah hipotensi postural yang mengakibatkan pening atau lemah badan apabila bangkit daripada posisi duduk atau baring. Kesan-sesaan lain yang mungkin berlaku adalah sakit kepala, kepenatan, masalah gastrousus, ruam dan lemah badan.

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan-sesaan lain semasa pengambilan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers Reporting)

CARDIPRES TABLET

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Cardipres 1: Doxazosin Mesylate 1.21 mg
bersamaan dengan Doxazosin 1mg

Cardipres 2: Doxazosin Mesylate 2.42 mg
bersamaan dengan Doxazosin 2mg

Cardipres 4: Doxazosin Mesylate 4.84 mg
bersamaan dengan Doxazosin 4mg

Cara penyimpanan dan pelupusan Cardipres

Penyimpanan

Simpan pada suhu dibawah 30°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi daripada kanak-kanak.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlu lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Cardipres 1 Tablet: Bujur, berwarna hijau, rata dan berskor pada satu bahagian..

Cardipres 2 Tablet: Bujur, berwarna kuning, rata dan berskor pada satu bahagian..

Cardipres 4 Tablet: Bujur, berwarna jingga, rata dan berskor pada satu bahagian.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Doxazosin Mesylate
- Bahan tidak aktif:
Magnesium stearate, lactose, sodium starch glycolate, sodium lauryl sulphate, microcrystalline cellulose, Eurolake Green (Cardipres 1 Tablet sahaja), Quinoline Yellow 30E (Cardipres 2 Tablet sahaja), Lake Sunset Yellow 22% (Cardipres 4 Tablet sahaja).

Nombor MAL

MAL05092225A Cardipres 1 Tablet

MAL05092226A Cardipres 2 Tablet

MAL05092227A Cardipres 4 Tablet

Pengilang

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
9,11 & 17, Jalan Kempas 4,
Taman Perindustrian Tampoi Indah,
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
9,11 & 17, Jalan Kempas 4,
Taman Perindustrian Tampoi Indah,
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

03/12/2014

Nombor Siri

BPFK(R4/1)041114/00040